

Bukan zaman Umno mudah menang

SINAR HARIAN

16 JULAI 2017

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - PRU14 disifatkan sebagai ibu segala pilihanraya yang memerlukan jentera Puteri perlu bersedia menghadapinya.

Naib Ketua Puteri Umno, Datuk Zahida Zariqh Khan berkata, ini bukan zaman Umno mampu menang mudah seperti sebelum ini.

Justeru, beliau mahu jentera puteri seluruh negara supaya bekerja keras menambah ahli seterusnya mendaftar sebagai pemilih.

"Saya mengingatkan ahli Puteri supaya mendaftar sebagai pemilih apabila berusia 21 tahun.

"Ini kerana keahlian Puteri bermula ketika usia 18 tahun menyebabkan ramai yang mengambil mudah tanggungjawab mengundi," katanya kepada media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Puteri Umno Bahagian Paya Besar, hari ini.

Hadir sama, Ketua Penerangan Umno Bahagian Paya Besar, Datuk Mohd Zaili Besar; Ketua Pemuda Umno Pahang, Mohd Shahar Abdullah dan Ketua Puteri Bahagian Paya Besar, Faridah Mat Firu.

Zahida juga mahu jentera Puteri memperkasakan semua cawangan dan menambah keahlian secara berterusan.

Beliau turut mengingatkan golongan muda tidak mudah terpedaya dengan sandiwara DAP yang berselindung di sebalik Pakatan Harapan untuk merampas Putrajaya.

"Hanya parti Umno yang berjuang dengan penuh rasa cinta dan bukannya disebabkan kemarahan kepada individu tertentu.

"Umno tidak hidup atas api kemarahan sebaliknya lahir dari hati yang tulus untuk membantu rakyat,"katanya.

Dalam masa sama, beliau mengingatkan ahli Puteri supaya tidak mudah terpengaruh dengan tohmahan dalam media baru kini.

"Jika kita tak mampu mempertahankan PM, janganlah pula kita termakan dengan hasutan pihak pembangkang,"katanya.

© 2017 Hak Cipta Terpelihara. Kumpulan Media Karang kraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/bukan-zaman-umno-mudah-menang-1.703527>